

UMS lengkapi pelajar kemahiran berbakti kepada negara

NSR 23.5.2013 4

LABUAN: Kampus Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (UMS) Labuan akan terus melengkapkan pelajarannya dengan kemahiran, kecekapan dan ilmu yang diperlukan untuk membolehkan mereka berkhidmat kepada rakyat yang terdiri daripada pelbagai latar belakang etnik, ekonomi dan pendidikan.

Sejajar dengan itu, kurikulum akademik dan latihan di UMS disusun untuk mewujudkan persekitaran yang membolehkan pelajar meningkatkan kemahiran dan sikap yang mereka perlukan untuk mendampingi orang ramai setelah menamatkan pengajian kelak.

Bagi mencapai objektif itu, beberapa topik penting berkaitan pemasaran dan tingkah laku pengguna dibentangkan pada satu seminar yang baru saja selesai diadakan, dengan pelajar tahun akhir diberi peluang untuk menilai kemampuan mereka, mengenal pasti kelemahan masing-masing dan mendedahkan diri mereka kepada perancangan yang tersusun sebelum memasuki pasaran pekerjaan.

Laura Lotius Bagu, yang mengetuai sekumpulan pelajar dalam program pemasaran antarabangsa bagi menjalankan kajian dan kaji selidik, memberitahu Bernama bahawa sebanyak 25 kertas kerja dibentangkan pada seminar itu.

Katanya kerats kerja itu membicarakan tentang dapatan berkaitan tingkah laku pengguna serta strategi pemasaran yang boleh mereka gunakan sebagai alat untuk membentuk arah aliran pasaran dan kepenggunaan tempatan.-Bernama